

Oleh Presiden
Thomas S. Monson



Menemukan Roh Krismas Semula Lagi

Banyak tahun lalu bila saya seorang penatua yang muda, saya dipanggil bersama orang lain untuk memberikan berkat-berkat kepada kanak-kanak yang sakit di satu hospital. Bila masuk ke hospital itu, kami melihat satu pokok Krismas yang berisi dengan lampu-lampu yang terang dan indah dan bungkusan-bungkusan di bawah cabang-cabangnya. Kemudian kami berjalan pada koridor di mana kanak-kanak kecil—dengan pembekat pada lenggan atau kaki mereka, ada juga yang bersakitan penyakit yang tidak dapat diubat dengan mudah—menyambut kami dengan seyuman.

Seorang budak lelaki kecil yang sangat sakit memanggil saya, “Apakah nama anda?”

Saya pun memberitahu dia nama saya, dan dia menanya, “Bolehkan anda berikan saya satu berkat?”

Saya pun berikan dia satu berkat, dan semasa kami meninggalkan tepi katilnya, dia berkata, “Terima kasih banyak.”

Kami berjalan beberapa langkah, dan kemudian saya mendengar dia berkata, “Oh, Brother Monson, selamat hari Krisma kepada kamu.” Kemudian satu senyuman muncul pada mukanya.

Budak itu memiliki roh Krismas. Roh Krismas ialah sesuatu yang saya harap bahawa kita semua akan memiliki dalam hati dan hidup kita—tidak sahaja pada musim ini tetapi sepanjang tahun.

Bila kita memiliki roh Krismas, kita mengingati Juruselamat dengan merayakan hari lahir-Nya pada musim ini: “Pada hari ini di Kota Daud telah lahir Juruselamat kamu, Kristus, Tuhan” (Lukas 2:11).

Pada zaman kini, pemberian hadiah merupakan satu bahagian yang besar dalam perayaan musim Krismas. Saya tertanya bolehkah kita bermanfaat dari menanya diri sendiri, apakah hadiah yang Tuhan ingin *saya* berikan kepada Dia atau kepada orang lain pada musim yang berharga ini?

Sila biarkan saya cadangkan bahawa Bapa Syurgawi kita inginkan kita memberikan kepada Dia dan Anak-Nya kepatuhan. Saya juga berasa bahawa Dia ingin menanya kita untuk memberikan kita diri sendiri dan tidak mementingkan diri sendiri atau tamak atau suka bertengkar, seperti yang dicadangkan dalam Kitab Mormon:

“Sesungguhnya Aku berfirman kepadamu, dia yang memiliki semangat perselisihan bukanlah dari-Ku, tetapi dari iblis, yang . . . menghasut hati manusia, untuk berselisih dengan amarah, satu sama lain.

“Lihatlah, ini bukanlah ajaran-Ku, untuk menghasut hati manusia dengan marah, satu terhadap yang lain; tetapi inilah ajaran-Ku, bahawa hal-hal seperti itu hendaklah diakhiri” (3 Nefi 11:29–30).

Pada dispensasi kegenapan zaman yang hebat ini,

peluang-peluang untuk menyayangi dan memberikan perkhidmatan adalah tidak berhad, tetapi peluang-peluang ini juga cepat hilang. Pada hari ini, ada hati yang perlu digembirakan, kata-kata yang berbelas kasih perlu diucapkan, perkhidmatan dilakukan, dan jiwa diselamatkan.

Seorang yang mempunyai pemahaman yang mendalam tentang roh Krismas menulis:

Sayalah Roh Krismas—

Saya masuk ke rumah yang miskin, menyebabkan mata-mata kanak-kanak pucat membuka, dengan kegembiraan.

Saya menyebabkan orang yang tamak untuk mengendurkan genggamannya dan melukis satu gambar yang terang pada jiwanya.

Saya menyebabkan orang yang tua untuk membicarakan kebeliaan dan untuk berketawa seperti pada masa muda mereka.

Saya menghidupkan kegembiraan dalam hati zaman kanak-kanak, dan menerangkan tidur dengan mimpi-mimpi yang indah.

Saya menyebabkan tapak kaki yang rela untuk melayan orang yang berkeperluan, dan meninggalkan hati-hati yang kagum dengan kebaikan dunia ini.

Saya menyebabkan orang yang boros untuk berhenti sekejap pada jalannya untuk menghantarkan sesuatu kepada orang yang dia kasihi yang akan membebaskan air mata—air mata yang akan hapuskan kedukaan.

Saya masuk ke penjara yang gelap, mengingatkan mereka yang takut tentang perkara yang mungkin berlaku dan menunjukkan kepada hari-hari baik yang akan datang.

Saya masuk ke rumah yang sakit, dan bibir yang terlalu lemah untuk mengucap bergeletar dalam kesyukuran yang senyap dan petah.

Dalam beribu-ribu cara, saya menyebabkan dunia yang letih ini untuk memandangi muka Tuhan, dan untuk satu tempoh masa yang ringkas, melupakan hal-hal yang kecil dan menyakitkan.

Sayalah Roh Krismas¹

Semoga kita masing-masing menemukan roh Krismas semula lagi—bahkan Roh Kristus.

NOTA

1. E. C. Baird, "Christmas Spirit," dalam James S. Hewitt, ed., *Illustrations Unlimited* (1988), 81.

MENGAJAR DARI PESANAN INI

Bila anda kongsi pesan Presiden Monson bersama keluarga, bertimbang untuk menekankan soalnya tentang hadiah yang Tuhan ingin kita berikan kepada Dia atau kepada orang lain pada musim ini. Galakkan ahli-ahli keluarga untuk mencatatkan idea-idea (atau, untuk kanak-kanak muda, lukiskan satu gambar) tentang cara untuk "menemukan Roh Krismas semula lagi—bahkan Roh Kristus."

REMAJA

Malam Sebelum Hari Krismas yang Sempurna

oleh Jerie S. Jacobs

Bila saya masih muda, malam sebelum Krismas ialah satu masa yang paling baik. Keluarga saya memasak piza, menyanyi lagu pujian Krismas, dan berhimpun untuk satu pertemuan rohani Krismas. Kami menyanyikan lagu-lagu rohani dengan harmoni yang tidak begitu indah dan memainkan lagu-lagu pujian Krismas dengan alat-alat muzikal kami yang ganjil. Bapa selalu akhirkannya malam itu dengan satu fikiran Krismas yang meninggalkan kami bermata air yang gembira. Hidup yang paling baik adalah pada masa malam sebelum hari Krismas.

Bila saya lebih tua, ibu saya menjaga anak jiran kami, Kelly. Kelly datang ke rumah kami setiap hari selepas sekolah bila ibunya, Patty, bekerja. Kelly sentiasa ikut saya seperti seekor anak anjing—bising dan perlukan perhatian. Saya merasa lebih senang bila Patty angkat anak perempuannya dan tinggalkan rumah dan keluarga saya dalam kedamaian.

Satu bulan Disember, saya berasa marah bila ibu menjemput Patty dan Kelly untuk menyertai kami pada malam sebelum Krismas. Malam sebelum Krismas saya. Ibu senyum dan memastikan saya, "Ia tidak akan mengubah apa-apa pun." Tetapi saya tahu ia akan ubahkan segala hal. Mereka akan makan semua piza kami. Kelly akan mengusik nyanyian kami. Saya pun sudah terima kenyataan bahawa malam sebelum Krismas ini akan menjadi perayaan yang paling teruk.

Bila petang itu sampai, Patty dan Kelly menyertai kami, dan kami berbual-bual dan berketawa dan menyanyi bersama-sama. Ibu saya betul. Ini *adalah* sempurna. Pada tengah malam mereka mengucapkan terima kasih dan meninggal dengan enggan. Saya

pergi tidur dengan hati yang penuh. Saya mendapati bahawa kurnia-kurnia benar Krismas tidak akan hilang bila dikongsikan. Sebaliknya, kurnia-kurnia ini menjadi lebih baik dan bertambah banyak bila kita berikan kepada orang lain.



Pengajaran Berkunjung, satu Kerja Penyelamatan

Pelajarilah pesanan ini secara penuh doa dan, sebagaimana sesuai, berbincang mengenainya dengan saudari yang anda kunjungi. Gunakan soalan-soalan yang di bawah untuk menolong menguatkan para saudari yang anda ajar dan membuat Lembaga Pertolongan sebahagian giat dalam hidup anda sendiri.

Pengajaran berkunjung berikan para wanita peluang untuk menjaga, memperkuatkan, dan mengajar satu sama lain—ia memang ialah kerja penyelamatan. Melalui pengajaran berkunjung, para saudari melayan bagi pihak Juruselamat dan membantu menyediakan para wanita demi berkat-berkat kehidupan abadi.

“Kita harus ‘memperingatkan, memaparkan, mengimbuu dan mengajar, dan mengajak [orang lain] untuk datang kepada Kristus’ (A&P 20:59), seperti yang dijelaskan oleh Juruselamat dalam wahyu-Nya,” kata Presiden Spencer W. Kimball (1895–1985). Dia berkata dengan selanjutnya, “Kesaksian anda adalah satu medium yang baik.”¹

Bila kita sebagai pengajar berkunjung meningkatkan ilmu kita tentang kebenaran injil, kesaksian kita memperkuatkan dan menyokong para saudari yang bersedia demi pembaptisan dan penetapan. Kita menolong ahli-ahli baru untuk melibatkan diri sendiri dengan sepenuhnya dalam injil. Kunjungan dan kasih sayang kita menolong “untuk membawa balik mereka yang sudah sesat [dan] memanasakan hati mereka yang sudah menjadi sejuk dalam injil.”² Dan kita menggalak para saudari untuk datang ke Kristus melalui kehadiran bait suci.

“Anda akan menyelamatkan jiwa,” kata Presiden Kimball kepada para pengajar berkunjung, “dan perkara yang menunjukkan ini ialah para ahli yang aktif dalam Gereja hari ini kerana anda pergi ke rumah mereka dan berikan mereka satu pandangan yang baru, satu visi yang baru. Anda membuka mata mereka. Anda memperluaskan horizon mereka . . .

“Lihatlah, anda tidak sahaja menyelamatkan para saudari ini, tetapi mungkin juga menyelamatkan suami dan keluarga mereka.”³

Dari Tulisan Suci

Ajaran dan Perjanjian 20:59;
84:106; 138:56

Dari Sejarah Kita

Bila Nabi Joseph Smith mengorganisasikan Lembaga Pertolongan, dia berkata bahawa para wanita tidak sahaja menjaga orang yang miskin tetapi menyelamatkan jiwa juga. Dia mengajar bahawa para wanita dalam Gereja mempunyai peranan-peranan yang penting dalam rancangan penyelamatan Bapa Syurgawi.⁴ Dibimbing oleh asas-asas yang diajar oleh Nabi Joseph Smith, kita sebagai para saudari dalam Lembaga Pertolongan boleh bekerja sama untuk menyediakan para

wanita dan keluarga mereka demi berkat-berkat Tuhan.

“Biarlah kita mempunyai rasa kasih terhadap satu sama lain,” kata Presiden Brigham Young (1801–77), “dan biarlah [mereka yang] yang kuat merawat mereka yang lemah sehingga menjadi kuat, dan biarlah mereka yang dapat melihat membimbing yang buta sehingga mereka dapat melihat jalan bagi diri sendiri.”⁵

NOTA

1. Spencer W. Kimball, dalam *Daughters in My Kingdom: The History and Work of Relief Society* (2011), 116.
2. Eliza R. Snow, dalam *Daughters in My Kingdom*, 108.
3. Spencer W. Kimball, dalam *Daughters in My Kingdom*, 117.
4. Lihat Joseph Smith, dalam *Daughters in My Kingdom*, 171–72.
5. Brigham Young, dalam *Daughters in My Kingdom*, 107.

Apa yang Boleh Saya Lakukan?

1. Bagaimana Lembaga Pertolongan menyediakan saya demi berkat-berkat kehidupan abadi?
2. Apakah yang boleh saya lakukan untuk meningkatkan iman mereka yang saya jaga?

Untuk maklumat lebih lanjut, layari www.reliefsociety.lds.org.